



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017(001-013)

Ketidakselarasan Istilah Bahasa Melayu Dalam Korpus Kejuruteraan Dan S&T: Analisis Sosioterminologi¹

Junaini Kasdan

junaini@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

¹Harshita Aini Haroon; ²Nor Suhaila Che Pa; ³Zuhairah Idrus

harshita@unimap.edu.my; suhailachepa@unimap.edu.my; zuhaira@unimap.edu.my

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Abstrak

Terminologi atau peristilahan merupakan aspek penting dalam pembinaan bahasa Melayu, khususnya dalam usaha meningkatkan taraf dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Justeru, kegiatan penggubalan istilah secara terancang di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dimulai sejak tahun 1956. Penggubalan istilah bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) adalah antara yang terawal digiatkan. Sehingga 1992 sahaja, hampir 240,000 istilah dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) telah digubal. Kini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menghasilkan lebih daripada 1 juta istilah dalam pelbagai bidang ilmu. Namun, di sela-sela keghairahan mencipta dan membakukan istilah, wujud ketidakselarasan istilah, baik istilah sepunya mahupun istilah antara bidang. Dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) misalnya, istilah *crowd* dipadankan dengan 'jemala', 'silara', 'puncak', 'perdu', 'laur' dan 'korona'. Kajian ini mencatatkan sebanyak 12.7% istilah dalam bidang Kejuruteraan dan S&T memiliki sekurang-kurangnya dua padanan istilah bahasa Melayu bagi merujuk konsep yang sama. Persoalannya, mengapakah ketidakselarasan istilah berlaku dalam bahasa Melayu? Apakah bentuk istilah yang cenderung dipadankan dengan istilah bahasa Melayu yang pelbagai? Dan, adakah ketidakselarasan istilah yang berlaku mengganggu kelancaran komunikasi antara bidang sehingga merencatkan perkembangan ilmu melalui bahasa Melayu? Justeru, penyelidikan alternatif ini bertujuan mengangkat permasalahan yang berkaitan dengan ketidakselarasan istilah bahasa Melayu, khususnya bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) dari kaca mata sosioterminologi. Bagi memecahkan permasalahan tersebut, korpus bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) dimanfaatkan dalam penyelidikan ini. Pelbagai bentuk ketidakselarasan istilah dikenal pasti dan setiap fenomena yang berlaku dijelaskan melalui pendekatan sosioterminologi.

Kata kunci: Ketidakselarasan istilah, sosioterminologi, penyetaraan istilah, pemadanan istilah, kegagalan komunikasi

Abstract

The Malay Language Inconsistency Terminology in the Field of Engineering and S&T Corpus: A socio-terminological Analysis.

Terminology is an important aspect in the building and development of the Malay language, especially in the effort to improve and strengthen it as a language of knowledge. Hence, the systematic drafting of terminology began in 1956 at the Institute of Language and Literature of Malaysia (Dewan Bahasa dan Pustaka) (DBP). Drafting of terminologies in the fields of Engineering and Science & Technology (S&T) were among the earliest to be conducted. Until 1992, almost 240,000 Engineering and S&T terms had been indexed. Today, DBP has indexed more than 1 million terms in numerous fields. However, in the eagerness to formulate and standardise terms, inconsistencies have developed either common terms or cross-

¹Makalah ini adalah hasil penyelidikan daripada geran penyelidikan FRGS/2/2013/SSI01/UniMAP/02/1(9003-003908).

field terms. In Engineering and S&T for example, the term 'crown' is equated with 'jemala', 'silara', 'puncak', 'perdu', 'laur' and 'korona'. The study discovered 12.7% of the terms in Engineering and S&T possess two or more equivalences in the Malay language which refers to the same concepts. It begs the question why inconsistencies in terms occur in the Malay language. What terms are best matched with a term in the Malay language which possess many variations? And are these inconsistencies disrupting cross-field communication to the point of it retarding the development of knowledge through the Malay language? Hence, this alternative research is intended to highlight the problems related with the failure to coordinate in the development of Malay language terminologies, especially Engineering and S&T from a standpoint of socio-terminology. To overcome this problem, terminologies in the field of Engineering and S&T corpus will be studied. As a result, various forms of the inconsistency terms was identified and the phenomenon that occurs the inconsistency was explained through the socio-terminological approach.

Keywords: Inconsistent terminology, socio-terminology, terminology coordination, terminology matching, communication failure

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi, sekali gus sebagai penghubung antara anggota masyarakat yang mempunyai persamaan bahasa. Bahasa juga merupakan wahana penting untuk menyebarkan dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah: Ayat 31,

“Dan **DIA** mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar!”

Dari segi fizikalnya, bahasa hanyalah bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat ujaran yang dimiliki oleh manusia. Di sebalik ciri fizikal ini terdapat makna. Ikatan antara bunyi dan makna yang disyaratkan oleh pelbagai peraturan itulah yang memungkinkan orang bukan sahaja berkomunikasi, tetapi juga mencipta konsep-konsep. Daripada konsep-konsep inilah munculnya istilah. Dalam konteks bahasa Melayu, peristilahan merupakan satu daripada aspek penting dalam pembinaannya, khususnya dalam usaha meningkatkan taraf dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Justeru, kegiatan penggubalan istilah secara terancang di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah dimulai sejak tahun 1956.

Istilah bermaksud, kata atau frasa yang mengungkapkan konsep yang khusus yang terdapat dalam sesuatu bidang ilmu atau profesional” (PUIBM 2004), boleh terdiri daripada kata, rangkai kata atau frasa, simbol grafik, singkatan, akronim dan notasi (Felber 1995) dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai (Pitch & Draskau 1985). Dan yang paling penting, istilah-istilah tersebut hendaklah diterjemahkan mengikut acuan tempatan (Hassan Ahmad (1980). Berdasarkan takrifan tersebut, maka dalam hal pembentukan istilah, ketepatan sesuatu istilah, khususnya istilah yang dipinjam konsepnya daripada bahasa-bahasa lain hendaklah berdasarkan konsep, bukan simbol perkataan. Konsep, iaitu binaan mental yang diterbitkan daripada objektukan sahaja merujuk kepada benda atau peristiwa, tetapi merujuk juga kepada sifat, proses, perkaitan, perlakuan dan sebagainya.

Sehingga kini, DBP telah menghasilkan lebih daripada 1 juta istilah dalam pelbagai bidang ilmu. Istilah-istilah tersebut diterbitkan dalam bentuk daftar, glosari dan kamus istilah; juga boleh dicapai secara percuma melalui laman web <http://prpm.dbp.gov.my>. Namun, dalam keghairahan mencipta dan membakukan istilah, wujud ketidakselarasan istilah, baik istilah sepunya atau istilah antara bidang. Hal ini sering menimbulkan kekeliruan pengguna. Istilah manakah yang dibakukan? Istilah manakah yang perlu digunakan? Istilah manakah pula yang lebih tepat? Dan mengapakah berlaku ketidakselarasan istilah?

Pada umumnya, perbezaan pemahaman konsep dalam kalangan pakar bidang, khususnya bidang sepunya atau subbidang menimbulkan kesukaran untuk mencapai kata sepakat terhadap pemilihan istilah. Hal ini mendorong kepada penciptaan istilah yang berbeza, sekali gus membawa kepada fenomena ketidakselarasan istilah. Justeru, ketidakselarasan ini juga sering menimbulkan polemik dalam kalangan pengguna, khususnya di institusi pendidikan, bahkan sering dijadikan alasan untuk menolak penggunaan bahasa Melayu. Hal ini pernah diungkapkan oleh Sharifah Maimunah (Utusan Malaysia 02/05/2001), yang ketika itu menjawat sebagai Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurutnya, ketidakselarasan istilah yang berlaku, khususnya dalam bidang sains dan teknologi (S&T) di institusi-institusi pendidikan menyukarkan pihak kementerian untuk menentukan istilah yang perlu digunakan.

Masalah ketidakselarasan istilah turut menyebabkan pelajar sekolah kurang berminat dalam bidang penulisan S&T kerana menganggap istilah-istilah itu sebagai asing dan kurang diaplikasikan dalam kehidupan seharian (Sharifah Maimunah 2001). Ketidakselarasan ini biasanya timbul, terutamanya bagi istilah yang diambil daripada bahasa Inggeris (BI). Istilah berbeza walaupun mungkin membawa maksud yang sama tetapi digunakan dalam disiplin sains yang berlainan, turut menimbulkan pelbagai kekeliruan. Selain daripada itu, terdapat istilah yang dianggap hanya sesuai dengan tahap kognitif pelajar di sekolah rendah, tetapi sebenarnya membawa maksud yang berbeza dan boleh menimbulkan salah tanggapan dalam kalangan peringkat yang lebih tinggi.

Menyedari hakikat tersebut, maka DBP telah berusaha memainkan peranannya dengan mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Istilah Sains Asas dan Sains Gunaan (JKPISASG) dan Jawatankuasa Penyelarasan Istilah Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan (JKPISKK) pada peringkat dalam negara. Penyelarasan istilah pada peringkat serantau pula dilakukan melalui Jawatankuasa Peristilahan MABBIM (Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia) yang dianggotai oleh pakar bidang dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Penyelarasan istilah bertujuan mewujudkan keseragaman penggunaan sesuatu istilah dalam pelbagai bidang ilmu berdasarkan konsep sepunya, sekali gus memperbaiki aspek linguistik komunikasi teknikal.

2. Ketidakselarasan Istilah

Ketidakselarasan istilah bermaksud berlakunya perbezaan istilah sepunya, baik antara bidang mahupun subbidang ilmu. Dalam bahasa Inggeris ditemukan istilah *disconformity terminology*, *unconformity terminology*, *lack of uniformity terminology*, dan *inconsistent terminology*. Semua istilah tersebut membawa kepada perbincangan tentang penggunaan istilah yang berbeza bagi merujuk satu konsep yang sama.

Ketidakselarasan istilah bukanlah suatu fenomena baharu, bahkan fenomena ini berlaku pada hampir semua bahasa masyarakat yang meminjam teknologi daripada negara pencipta. Contohnya, Jepun, Korea, Arab dan bahkan bahasa Inggeris. Persoalannya, mengapakah ketidakselarasan istilah berlaku? Apakah bentuk istilah yang cenderung dipadankan dengan istilah bahasa Melayu yang pelbagai? Umum mengetahui bahawa komunikasi yang jelas menggunakan perkataan memerlukan satu konsep atau fikiran yang sama. Ertinya, tidak boleh wujud satu istilah untuk beberapa konsep (homonim atau polisem), atau beberapa istilah untuk satu konsep (sinonim).

Menurut John M. Butler (2014), ketidakselarasan istilah boleh menyebabkan keliruan, sekali gus menyebabkan perkongsian maklumat tidak dapat dilakukan dengan berkesan,

inconsistency in terminology across disciplines can create confusion... Inconsistency or ambiguity in terminology can and does have a profound effect on how the trier of fact in perceives and evaluates scientific evidence...In its simple terms, it fails to effectively share the information with those who need to understand what the data mean.

Kesanketidakselarasan istilah terhadap penyebaran ilmu pengetahuan khususnya, telah mendorong pelbagai kajian yang berkaitan dilakukan, baik di dalam mahupun di luar negara. Kajian yang dilakukan tidak sekadar bertujuan mengenal pasti kesan ketidakselarasan istilah dan keseriusan fenomena yang berlaku. Kajian terhadap isu yang berkaitan, iaitu tentang penyelarasan istilah dan penjelasan tentang ketidakselarasan istilah itu sendiri juga disentuh oleh para pengkaji terdahulu.

Muhammad A. Sarairoh (2001) dalam kajiannya, *Inconsistency in technical terminology: a problem for standardization in Arabic* mendapati bahawa ketidakselarasan istilah dalam teks terjemahan bahasa Inggeris-Arab berlaku kerana penterjemahan menganggap penggunaan istilah yang berbeza sebagai variasi gaya. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pengulangan kata dalam teks. Namun, hal tersebut mewujudkan kekeliruan kepada pengguna kerana menganggap ada makna yang berbeza bagi setiap sinonim yang digunakan. Hal ini berlaku kerana penterjemah tidak memahami tentang konsep dan sistem konsep dalam pembentukan istilah.

Terdahulu daripada itu, Hans J. Dykxhoorn dan Kathleen E. Sinning (1984), dalam kajiannya *The lack of uniformity in statistical audit sampling terminology* juga mengemukakan hasil dapatan yang hampir sama. Berdasarkan sampel data audit statistik yang digunakan masyarakat dan semua buku teks Audit, kajian ini mendapati bahawa ketidakselarasan istilah yang digunakan dalam bidang berkenaan menyukarkan pelajar dan para profesional, khususnya ketika menduduki ujian profesional perakaunan (CPA).

Selanjutnya, Nickson Karie dan Hein Venter (2013), dalam kajiannya *Resolving terminology heterogeneity in digital forensics using the web* mengetengahkan ketidakselarasan istilah dalam bidang forensik digital, iaitu subbidang baru sains forensik. Bidang ini mula mendapat perhatian luas daripada pakar komputer, petugas penguatkuasaan dan pengamal undang-undang. Bagi mengatasi masalah tersebut, kajian mencadangkan

satu kaedah baharu yang dinamai TE-HERE (*Terminology Heterogeneity Resolver*), yang membolehkan istilah dijana secara automatik dari web berdasarkan kekerapan.

Penelusuran kajian yang berkaitan dengan ketidakselarasan istilah di dalam negara pula hanya menemukan beberapa kajian dan tulisan yang sudah agak lama dan perlu diberikan nafas baharu. Melalui kajian *Peristilahan dan penyelarasan istilah sains asas*, Zubaidi (1992) menyenaraikan pembahagian ketidakselarasan istilah, iaitu ketidakselarasan dari segi ejaan, imbuhan dan padanan istilah. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan agar ada langkah positif yang diambil oleh agensi yang berkaitan bagi mengatasi masalah tersebut. Selanjutnya, Muhamad Yahaya (1992) dalam kajiannya *Istilah Fizik di peringkat universiti dan masalahnya*, juga hanya menyenaraikan bentuk-bentuk ketidakselarasan istilah yang berlaku dalam bidang Fizik. Pengkaji turut mendedahkan permasalahan dalam penggubalan istilah kerana permasalahan tersebut berkaitan dengan fenomena ketidakselarasan istilah.

Kajian yang secara khusus mengangkat permasalahan ketidakselarasan istilah dalam bidang Kejuruteraan pernah dilakukan oleh Burhanuddin (1990) dan Laurent M. (1993). Melalui kajian *Masalah penggunaan istilah Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik*, Burhanuddin membandingkan istilah dalam bidang berkenaan yang dibentuk oleh Jawatankuasa Peristilahan Kejuruteraan Antara Universiti (JPKAU), Jawatankuasa Peristilahan Fizik Antara Universiti (JPFAU) dan Jawatankuasa Peristilahan Matematik Antara Universiti (JPMAU). Pengkaji turut menegaskan bahawa sehingga tahun 1990 belum ada usaha dilakukan untuk menyelaraskan istilah dalam bidang Kejuruteraan, apatah lagi menyelaraskan kesemua istilah dalam bidang Kejuruteraan dan S&T, sedangkan bidang tersebut adalah bidang yang penting.

Laurent M. (1993) pula mengangkat permasalahan tentang *perkembangan laras kejuruteraan dalam bahasa Melayu* secara umum. Dalam hal ini beliau mengaitkan laras bahasa dengan istilah kejuruteraan. Tulisan beliau turut menyimpulkan bawa dari segi laras kejuruteraan dalam bahasa Melayu, terdapat empat sifat yang dapat diperhatikan, iaitu peristilahan bidang kejuruteraan sangat luas, tepat, asli dan istilahnya terus bertambah. Selanjutnya, dengan mengemukakan beberapa contoh perbezaan istilah, beliau menjelaskan bahawa dalam sifat ketepatan laras kejuruteraan, berlaku perbezaan dengan laras yang lain.

Walaupun banyak hal menarik yang dapat diungkapkan melalui kajian yang berkaitan dengan ketidakselarasan istilah, namun permasalahan kajian ini belum diterokai secara meluas dan komprehensif oleh pengkaji di Malaysia. Penelusuran ilmu menunjukkan bahawa lebih daripada dua abad pengkaji melupakan permasalahan ketidakselarasan istilah atau penyelarasan istilah. Hal ini kerana sejak 2003, sistem pendidikan di Malaysia cenderung menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, terutamanya bagi bidang Kejuruteraan dan S&T. Namun, pengalaman penulis yang terlibat secara langsung dalam kegiatan penggubalan istilah mendapati bahawa dari tahun 2003 hingga 2008, pertanyaan yang berkaitan dengan istilah, termasuk ketidakselarasan istilah meningkat setiap hari. Peningkatan bilangan tersebut menunjukkan bahawa istilah bahasa Melayu masih tetap diperlukan, khususnya untuk bidang terjemahan. Hal ini membuktikan bahawa permasalahan ketidakselarasan istilah masih tetap relevan dan tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Justeru, penyelidikan alternatif ini bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk ketidakselarasan yang berlaku dalam bidang Kejuruteraan dan S&T dan menjelaskan fenomena yang berlaku melalui kaca mata sosioterminologi. Kajian ini turut mengemukakan inovasi penambahbaikan untuk mengurangkan penciptaan istilah yang tidak selaras pada masa akan datang.

Sosioterminologi bermaksud kajian tentang terminologi yang berkaitan dengan kebiasaan penggunaannya dalam kalangan masyarakat (Tammerman 2000). Justeru, pendekatan sosioterminologi mengambil kira bahawa istilah dipengaruhi oleh perubahan sosial masyarakat penuturnya dan mempunyai pertalian dengan jati diri budaya penutur bahasa itu sendiri. Melalui pendekatan sosioterminologi, istilah dilihat sebagai bahagian daripada bahasa, bukan sekadar simbol atau tanda dan juga bahagian daripada kebudayaan. Penyelidikan ini diharapkan dapat menarik minat pengguna bahasa Melayu untuk memasyarakatkan penggunaan bahasa Melayu amnya, dan istilah bahasa Melayu khasnya.

3. Data Dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memanfaatkan data korpus peristilahan bahasa Melayu yang berpangkalan di DBP. Lebih kurang 20,000 istilah (abjad A hingga C) daripada bidang/subbidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) yang telah digubal oleh DBP dipilih sebagai data utama. Abjad A hingga C dipilih kerana jumlah istilah yang terlibat dapat mewakili bentuk-bentuk istilah secara umumnya. Daripada data tersebut, istilah yang tidak selaras direkodkan berdasarkan kategori/jenis ketidakselarasan. Istilah-istilah tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan sosioterminologi bagi menjelaskan fenomena ketidakselarasan yang berlaku.

Korpus Istilah Kejuruteraan Dan S&T

Usaha merancang perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi di Malaysia telah bermula pada tahun 1957 dengan penubuhan sebuah jawatankuasa istilah sains yang pertama di DBP. Buku istilah dalam bidang sains dan teknologi yang pertama diterbitkan oleh DBP ialah *Fizik, Hisab dan Kimia* (1968) dengan istilah sebanyak 6,734 entri. Penerbitan buku istilah kejuruteraan yang pertama pula ialah *Istilah Kejuruteraan* (15,568 entri) yang dicetak pada tahun 1970, diikuti dengan *Istilah Kejuruteraan Awam* (1979) dengan jumlah istilah sebanyak 2,200 entri. Pada tahun 1987, kegiatan penggubalan istilah, khususnya dalam bidang Kejuruteraan dan S&T menjadi sangat penting kerana semua universiti awam dituntut untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sejak itu, DBP tidak pernah berhenti untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai badan yang bertanggungjawab membakukan istilah dalam bahasa Melayu. Antara buku istilah kejuruteraan dan S&T yang telah diterbitkan oleh DBP disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Senarai buku istilah kejuruteraan dan S&T terbitan DBP.

JUDUL	TAHUN	JUDUL	TAHUN
Istilah Fizik, Hisab dan Kimia	1968	Istilah Sains dan Teknologi Makanan	1988
Istilah Kejuruteraan	1970	Istilah Farmasi	1989
Istilah Kejuruteraan Awam	1970	Istilah Pertanian	1989
Senarai Istilah Biologi	1980	Istilah Sains Tanah	1989
Senarai Istilah Fizik	1980	Istilah Veterinar	1990
Senarai Istilah Kimia	1980	Glosari Sains Nuklear	1993
Senarai Istilah Matematik	1980	Istilah Komputer	1993
Istilah Pertanian	1980	Istilah Tek. dan Vok.: Kejuruteraan	1993
Istilah Mekanik	1981	Glosari Teknologi Pengangkutan	1994
Istilah Kimia	1981	Glosari Industri Pem. Kapal Terbang	1995
Senarai Istilah Perubatan Kesihatan	1982	Glosari Astronomi	1995
Istilah Kejuruteraan Pengajian Tinggi	1987	Glosari Industri Pembuatan Kereta	1995
Istilah Perhutanan	1987	Glosari Industri Petroleum	1995
Istilah Perubatan	1987	Glosari Aeronautik	1996
Istilah Biologi	1988	Glosari Teknologi Marin	1996
Istilah Geologi	1988	Glosari Agroteknologi	1997
Istilah Pelayaran	1988	Glosari Teknologi Angkasa	2000
Istilah Pergigian	1988	Glosari Teknologi Laser dan Gentian Optik	2000
Istilah Perikanan	1988	Glosari Teknologi Maklumat	2000


Pada peringkat awal kegiatan penggubalan istilah, DBP hanya menerbitkan daftar istilah tanpa sebarang maklumat atau huraian konsep. Kegiatan penggubalan cenderung untuk memenuhi keperluan mewujudkan istilah dalam bahasa Melayu bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun DBP mempunyai pendirian untuk tidak mengubah istilah yang telah mantap penggunaan, namun masyarakat pengguna, termasuk pakar bidang cenderung untuk membentuk istilah yang baharu. Berdasarkan pengalaman sebagai penggubal istilah, penyelidik mendapati bahawa istilah boleh berubah kerana perubahan konsep atau pengetahuan pakar bidang, sesuai dengan perkembangan bidang ilmu itu sendiri. Istilah turut berubah disebabkan perubahan pada pedoman pembentukan istilah yang diguna pakai, kualiti istilah yang lebih baik, kepopularan istilah dan sebagainya.

4. Dapatan Kajian

Jika hasil kajian yang dilakukan oleh Zubaidi (1992) menyatakan bahawa fenonema ketidakselarasan istilah bahasa Melayu tidak begitu membimbangkan, namun kajian ini menunjukkan keadaan yang berbeza. Berdasarkan 20,209 istilah tunggal (bukan hasil pemecahan), yang diambil dari abjad A hingga C, pengkaji merakamkan 12.7% (2,055)² istilah dalam bidang Kejuruteraan dan S&T memiliki sekurang-kurangnya dua padanan

² Cara pengiraan = $2,055(\text{satu istilah sepunya yang tidak selaras}) / [20,209(\text{istilah A hingga C}) - 6,072(\text{semua istilah sepunya yang tidak selaras}) + 2,055(\text{satu istilah sepunya yang tidak selaras})] \times 100$

istilah bahasa Melayu bagi merujuk konsep yang sama. Contohnya istilah *awaft* dipadankan dengan (i) hanyut dan (ii) terapung; dan istilah *crown* dipadankan dengan (i) jemala, (ii) silara, (iii) puncak, (iv) perdu, (v) laur dan (vi) korona. Menariknya, daripada jumlah istilah yang tidak selaras itu, didapati 279 (14%) istilah memiliki lebih daripada enam istilah padanan bahasa Melayu. Secara keseluruhan, pecahan kekerapan bilangan padanan istilah adalah seperti yang digambarkan dalam Gambar rajah 1 yang berikut:



Gambar rajah 1 Peratus Kekerapan bilangan padanan istilah yang tidak selaras dalam korpus bidang Kejuruteraan S&T

Pada hemat penyelidik, jumlah 12.7% bukanlah jumlah yang kecil dan tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Apabila jurang ketidakselarasan sebesar itu berlaku dalam lingkungan penggubal istilah, maka ruang yang lebih luas tersedia untuk ketidakselarasan istilah berlaku dalam kalangan pengguna atau pengamal bidang sendiri. Ketidakselarasan istilah berlaku dalam pelbagai bentuk perbezaan ejaan, imbuhan dan pilihan kata.

i. Ketidakselarasan ejaan

Dalam proses penggubalan istilah, antara pedoman yang perlu dipatuhi dan digunakan seiringan ialah PUIBM (1972, 2004) dan Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1972). Pedoman tersebut dipatuhi oleh para penggubal dengan teliti bagi memastikan istilah yang dihasilkan benar-benar mematuhi piawaian yang ditetapkan. Lazimnya, ketidakselarasan ejaan dalam terminologi bahasa Melayu dapat diatasi dengan adanya Pedoman Ejaan Bahasa Melayu (1972, 1992) yang disepakati penggunaan di negara anggota MABBIM pada tahun 1972. Namun, disebabkan korpus data istilah yang terlalu besar, pembetulan ejaan bagi kesemua istilah yang terlibat belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Jadual 2 memaparkan beberapa contoh ketidakselarasan istilah yang disebabkan oleh perbezaan ejaan.

Jadual 2 Ketidakselarasan istilah disebabkan perbezaan ejaan.

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>abiotic</i>	abiota; abiotik
<i>acanthine</i>	akantin; akantus
<i>acauline</i>	akaulin; akaulis
<i>chlortetracycline</i>	Chlortetracycline; klorotetrasiklina
<i>chlorpromazine</i>	Chlorpromazine; klorpromazin; klorpromazina
<i>curve</i>	keluk, lengkung; kelok
<i>chondrostea</i>	kondrostea; kondrostei

Berdasarkan Jadual 2, masih ditemukan istilah 'keluk', 'lengkung' dan 'kelok' untuk padanan *curve*. Berdasarkan takrifannya, iaitu 1. lengkung; 2. Garis yang melengkung bentuknya (dalam graf, rajah dll), bentuk yg bengkok seperti busur (KD4 2010), maka istilah 'lengkung' dan 'keluk' dipadankan dengan istilah *curve*, iaitu *a line or outline that gradually deviates from being straight for some or all of its length* (merriam-webster.com/dictionary) atau dalam bidang matematik istilah ini ditakrifkan sebagai, *an object similar to a line but that need not be straight*.

Melalui JKPIASG, padanan bagi istilah *curve* telah diselaraskan menjadi lengkung/keluk. Tanda '/' menunjukkan bahawa kedua-dua padanan adalah bersinonim sepenuhnya. Dalam hal ini, sepatutnya pengguna tidak menghadapi masalah untuk menggunakan istilah lengkung dan keluk. Namun, hakikatnya masih ada istilah yang mendukung konsep yang sama dipadankan dengan istilah keluk yang dieja sebagai 'kelok' (mengikut ejaan lama). Bahkan dalam istilah bentuk rangkai kata, masih banyak kata 'kelok' digunakan, contohnya *inverted yield curve* (kelok kadar hasil terbalik), *improvement curve* (kelok kemajuan), *Frank-Starling curve* (kelok Frank-Starling), *recovery curve* (kelok pemulihan) dan *dissociation curve* (kelok disosiasi).

Hal ini menjadikan pengguna lebih keliru apabila terdapat istilah *curve* yang juga dipadankan dengan 'kelok' tetapi bagi mendukung konsep 'liku, selekoh (jalan yang tidak lurus)'. Walaupun jumlahnya kecil, namun bentuk istilah ini mengelirukan pengguna apabila digunakan untuk merujuk konsep yang sama dalam kumpulan bidang/subbidang yang sama.

Selanjutnya, dalam Jadual 2 juga disenaraikan istilah *chlortetracycline* yang dipadankan dengan istilah 'Chlortetracycline' dan 'klortetrasiklina'. Ejaan padanan istilah tersebut dan bentuk lain yang serupa, seringkali mengundang kekeliruan kepada pengguna, terutama pengguna bukan bidang. Bahkan ada ketikanya ejaan tersebut digunakan dalam penulisan yang salah. Walau bagaimanapun, dalam proses pembentukan istilah, perbezaan ejaan yang demikian itu dilakukan secara sedar kerana kedua-duanya mempunyai konsep yang berbeza. *Chlortetracycline* ialah antibiotik spektrum luas, aktif menentang bakteria dan fungus, diberikan melalui mulut, suntikan atau bahan sapu (<http://prpm.dbp.gov.my>) dan *Chlortetracycline* juga merujuk kepada sebatian kimia dengan formula $C_{22}H_{23}ClN_2O_8$. Bagi semua istilah yang merujuk kepada nama ubat, istilah sumber (bahasa Inggeris) diserap sepenuhnya sebagai kata nama khas dengan mengekalkan ejaan asalnya, iaitu Chlortetracycline. Sebaliknya, istilah yang merujuk kepada sebatian kimia pula, pedoman menetapkan ejaan bahasa sumber diserap ke dalam bahasa Melayu dengan penyesuaian ejaan dan akhiran '-ine' berubah menjadi '-ina', iaitu klortetrasiklina. Penjelasan ini menerangkan bahawa perbezaan yang berlaku bukanlah suatu bentuk ketidakselarasan istilah. Pengguna dalam bidang yang berkenaan pasti dapat membezakan kedua-dua bentuk tersebut.

Namun, berbeza halnya dengan istilah *Chlorpromazine* yang dipadankan dengan 'Chlorpromazine' dan 'klorpromazin'. Oleh sebab *chlorpromazine* ialah sejenis ubat atau bahan sedatif yang digunakan dalam rawatan psikosis dan psikoneurosis (<http://prpm.dbp.gov.my>), maka ejaannya dikekalkan sebagai Chlorpromazine. Sebaliknya, mengapa klorpromazin tidak dieja sebagai klorpromazina seperti klortetrasiklina? sedangkan *chlorpromazine* juga adalah sebatian kimia dengan formulakimia $C_{17}H_{19}ClN_2S$. Dalam hal ini, bentuk ketidakselarasan berlaku pada ejaan akhiran '-ina'. Bagi istilah yang bukan merujuk kepada sebatian kimia, PUIBM (2004) menetapkan bahawa perkataan yang berakhir dengan '-e' mengalami pengguguran huruf '-e', contohnya, *cytosome* (sitosom), *hormone* (hormon), *cytidilate* (sitidilat), *abilite* (abilit), *structure* (struktur) dan sebagainya, kecuali dinyatakan yang lain (PUIBM 2004).

ii. Ketidakselarasan imbuhan

Bentuk pengimbuhan dalam kata bahasa Melayu adalah bertujuan memperkaya kosa kata bahasa Melayu. Oleh itu, dalam proses pembentukan istilah, imbuhan turut digunakan secara meluas bagi membentuk istilah kata terbitan. Setiap imbuhan dalam bahasa Melayu memiliki maksud yang tersendiri. Walau bagaimanapun, dalam hal pembentukan istilah, terdapat kumpulan JKI yang cenderung untuk memilih menggunakan imbuhan Melayu dan ada juga yang memilih untuk menggunakan imbuhan asing. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakselarasan imbuhan, sekali gus menyebabkan ketidakselarasan istilah. Jadual 3 memaparkan beberapa contoh ketidakselarasan istilah yang disebabkan perbezaan imbuhan.

Jadual 3 Ketidakselarasan istilah disebabkan perbezaan imbuhan

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>abrasion</i>	lelasan; pelepasan
<i>accelerating</i>	pemecutan; memecut
<i>acicularity</i>	penjaruman; berjejarum
<i>accumulation</i>	timbunan; penimbunan; pengumpulan; penumpukan; tumpukan; akumulasi
<i>curvatura</i>	lengkung; kelengkungan
<i>biointensification</i>	keamatan biologi; pengamatan biologi
<i>bipartite</i>	dwibahagian; bipartit
<i>analitical</i>	analisis, analitikal, analitis

Menurut Zubaidi (1972), pembentukan istilah terbitan bukan sahaja memerlukan pemilihan imbuhan yang betul, tetapi juga memerlukan pemilihan yang tidak akan menambah kekeliruan pengguna. Contohnya, dalam Jadual 3 terdapat istilah *acicularity* yang dipadankan dengan ‘penjaruman’ dan ‘berjejarum’. Dalam padanan istilah tersebut terdapat perbezaan apitan *pe(N)-...-an* dan awalan *ber-....*. Secara mudahnya, apitan *pe(N)-...-an* bertujuan membentuk kata nama terbitan dalam bahasa Melayu (NikSafiah et. al 2011). Dari aspek makna pula, lazimnya imbuhan *pe(N)-...-an* menandakan makna proses mengerjakan maksud yang terkandung dalam kata dasar (Nik Safiah et. al 2011). Contohnya, pembungkusan [*pe(N) + kata nama + an*] bermaksud proses membungkus; pemberian [*pe(N) + kata kerja + an*] bermaksud proses memberi; pengotoran [*pe(N) + kata ajektif + an*] bermaksud proses mengotorkan/i dan sebagainya. Oleh itu, ‘penjaruman’ yang terbentuk daripada apitan *pe(N) + jarum + an*, bermaksud proses memberi jarum atau proses menjarumi. Namun, dalam bahasa sumbernya, *acicularity* bermaksud:

1. *Needle-like; resembling a slender needle or bristle, as the leaves of pine-trees, and various crystals.* 2. *When referring to cast iron: containing ferrite in a needlelike form; or an alloy having a microstructure of needlelike components.*

(<http://www.encyclo.co.uk>)

Berdasarkan takrifan tersebut, *acicularity* merujuk kepada kata nama, iaitu bentuk yang menyerupai jarum, yang kurang tepat apabila dipadankan dengan penjaruman. Hal ini kerana penjaruman lebih dimengerti oleh pengguna sebagai perbuatan atau tindakan (proses) menjadikan sesuatu berbentuk seperti jarum. Sebaliknya, istilah berjejarum terbentuk daripada awalan ‘ber + gandaan separa, jejarum’. Pada dasarnya, gandaan separa dibentuk secara sedar oleh penggubal istilah untuk mendukung konsep yang tersendiri. Dalam hal ini, konsep yang dirujuk ialah benda atau perkara yang mempunyai sifat, bentuk atau rupa yang seakan-akan sama dengan sifat asal kata dasar, iaitu jarum. Selain itu, awalan *ber-...* pada kata jejarum pula membawa pengertian mempunyai. Oleh itu, istilah ‘berjejarum’ yang membawa maksud mempunyai bentuk yang menyerupai jarum adalah lebih tepat, berbanding dengan ‘penjaruman’.

Selanjutnya, dalam Jadual 3 juga tersenarai istilah *biointensification* yang dipadankan dengan keamatan biologi dan pengamatan biologi. Ketidakselarasan disebabkan perbezaan apitan *ke-...-an* dan *peN-...-an* pada kata ‘amat’. KD4 (2010) mentakrifkan keamatan sebagai 1. keadaan yang amat sangat; 2. keadaan yang amat tinggi kadarnya (ttg sinaran cahaya, aliran elektrik dsb), sedangkan ‘pengamatan’ ditakrifkan sebagai perbuatan atau hal mengamati (<http://prpm.dbp.gov.my>). Keadaan dan perbuatan adalah dua hal yang berbeza. Kebanyakan kamus mendefinisikan *intensification* sebagai *action that makes something stronger or more extreme*. Manakala, *biointensification* pula diertika sebagai tindakan yang dilakukan untuk meningkatkan kegiatan atau pemanfaatan mekanisma biologi dengan lebih hebat agar dapat memberikan manfaat yang optimal.

Berdasarkan kata kunci takrifan tersebut, iaitu *action*, maka padanan bahasa Melayu bagi *biointensification* yang sesuai ialah pengamatan. Kata ‘pengamatan’ terbentuk daripada apitan ‘*peN + amat (sangat) + an*’ yang membawa maksud perbuatan menjadikan sesuatu itu mencapai tahap lampau. Namun, dalam kognisi penutur bahasa Melayu, pengamatan lebih membawa maksud perbuatan memerhatikan sesuatu dengan teliti. Oleh yang demikian, pengguna cenderung memadankan *intensification* dengan perkataan lain, termasuk keamatan, penguatan, dan intensifikasi. Bahkan pedoman pembentukan istilah menetapkan bahawa suatu kata atau frasa yang dipilih untuk dijadikan istilah hendaklah tidak mengandungi makna lain atau ambiguiti.

Bentuk imbuhan tidak terhad kepada imbuhan bahasa Melayu sahaja, sebaliknya terdapat juga bentuk imbuhan, awalan dan akhiran yang diserap daripada bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Inggeris, Sanskrit dan Arab. Contohnya, awalan ‘*bi-...*’ dalam bahasa Inggeris dipadankan dengan ‘*dwi-...*’ dan ‘*bi-...*’; dan akhiran ‘*...-ical*’ dalam bahasa Inggeris dipadankan dengan akhiran ‘*...-is*’, dan ‘*...-ikal*’. Padahal, PUIBM telah memberikan panduan yang jelas tentang bentuk-bentuk akhiran ini.

Hakikatnya, kebanyakan imbuhan bahasa Melayu mempunyai lebih daripada satu peranan. Penggunaan imbuhan bukan sekadar memenuhi keperluan tatabahasa, tetapi melibatkan penentuan fungsi imbuhan tersebut dalam menyatakan makna dalam bidang Kejuruteraan dan S&T. Tidak dapat dinafikan bahawa wujud beberapa kekurangan dalam sistem perimbuhan bahasa Melayu (Zubaidi 1972), sekali gus menyebabkan berlakunya ketidakselarasan imbuhan dalam peristilahan.

iii. Ketidakselarasan pilihan kata

Bidang Kejuruteraan dan S&T mempunyai perkaitan yang rapat antara satu dengan yang lain, dan kerana itu banyak istilah sepunya wujud antara bidang-bidang tersebut. Walaupun ada istilah yang digunakan dalam bidang utama, namun sebahagiannya memiliki konsep yang sama, yang sepatutnya diberikan padanan bahasa Melayu yang sama. Namun, adanya anggapan bahawa setiap bidang/subbidang itu unik, berbeza dan tiada kaitan dengan bidang yang lain menyebabkan konsep bagi istilah sepunya dipadankan dengan istilah bahasa Melayu yang berbeza. Bahkan ada juga yang menganggap bahawa kosa kata dari bahasa Melayu tidak menggambarkan keilmiahan suatu kata atau tidak tepat untuk mewakili istilah dalam bidang yang berkenaan. Oleh itu, mereka cenderung untuk mewujudkan istilah lain, yang mereka rasakan lebih tepat, termasuk menyerap istilah daripada bahasa sumbernya. Hakikatnya, sempadan penggunaan sesuatu istilah itu tidak dapat ditentukan dengan jelas.

Lazimnya, kosa kata yang diangkat sebagai istilah sering ditemukan dalam komunikasi sehari-hari. Ada kalanya perkataan tersebut mempunyai banyak sinonim, dan hal ini menyukarkan penggubal istilah membuat penentuan kata padanan yang sesuai. Dalam penciptaan istilah juga sering kali ditemukan perkataan yang hampir sama tetapi sukar untuk menunjukkan perbezaan maknanya. Contohnya, kata *ibu* dan *emak* yang membawa kepada istilah ‘*ibu jari*’, *ibu negara*’ dan *ibu roti*, tetapi tidak ada istilah ‘*emak jari*’, ‘*emak negara*’ dan ‘*emak roti*’. Dengan kata lain, tanpa takrifan terperinci dan penggunaan yang mengikut konteks tertentu, menyebabkan penentuan makna hanya berdasarkan pengertian masing-masing. Contoh penggunaan perkataan yang bersinonim secara tidak selaras dapat dilihat dalam Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4 Ketidakselarasan istilah disebabkan perbezaan pilihan kata

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
<i>abatjour</i>	pemesong cahaya; tingkap cahaya
<i>backshore</i>	pesisir belakang; jermang belakang; topang belakang
<i>awl</i>	penebuk; penggarit; penggerek
<i>crown</i>	jemala; silara; puncak; perdu; laur; korona
<i>attrition</i>	keciciran; hakisan; geseran; berlarutan; lagaan
<i>brad</i>	paku tirus; paku kecil; dawai pengikat
<i>charring</i>	pengemasan bakar; rentung
<i>chlorofibre</i>	kloroserat; klorogentian

Daripada Jadual 4, istilah *crown* misalnya, mempunyai enam padanan bahasa Melayu, iaitu jemala, silara, puncak, perdu, laur dan korona. Pada umumnya *crown* bermaksud *circular decoration for the head, usually made of gold and jewels (=precious stones), and worn by a king or queen at official ceremonies* (<http://dictionary.cambridge.org>). Dalam bahasa Melayu sudah ada konsep yang sama, seperti yang digambarkan dalam huraian tersebut kerana Malaysia merupakan sebuah negara beraja, yang disebut mahkota.

Selanjutnya, bagi mengenal pasti padanan istilah *crown* seperti yang disenaraikan menepati atau tidak menepati konsep dalam bidang yang berkenaan, maka analisis komponen makna dilakukan berdasarkan takrifan KD4 (2010). Hasil analisis adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5. Dalam korpus istilah Kejuruteraan dan S&T, istilah *crown* ditemukan dalam beberapa bidang/subbidang ilmu, termasuk Perubatan, Pergigian, dan Perhutanan. Dalam bidang Kejuruteraan, *crown* dimaksudkan sebagai (1) titik tertinggi pada struktur gerbang.

(2) aras tertinggi keratan rentas jalan raya yang terletak di tengah-tengah berbanding aras kedua-dua bahagian tepi jalan. Konsep ini dipadankan dengan 'puncak' dalam bahasa Melayu. Berdasarkan Jadual 5, dapat dilihat bahawa ciri penting komponen maknanya adalah tempat tertinggi + berkenaan tumbuhan + berkenaan dengan selain manusia atau tumbuhan.


Jadual 5 Analisis komponen makna bagi padanan istilah *crown*

Perkataan	Takrifan	Ciri Komponan Makna			
		Tertinggi	Bkn. manusia	Bkn. tumbuhan	Bkn. selain manusia & tumbuhan
mahkota	1. Pakaian kepala yg dibuat drpd emas serta bertatahkan permata dll utk raja-raja yg bertakhta 2. ki (orang) yg memerintah, raja	/	/	X	X
jemala	Kepala	/	/	X	X
silara	Rimbunan daun pd bahagian atas pokok.	/	/	/	X
puncak	Bahagian yg tertinggi pd sesuatu.	/	X	/	/
perdu	Bahagian pangkal pokok	X	X	/	X
Laur	1. Lentuk; 2. lentur	X	X	/	X
korona	Latin (<i>crown</i>) - <i>A crown or crown-like structure</i>	/	/	X	/

Dalam bidang perhutanan pula, *crown* merujuk kepada bahagian atas pokok yang berdaun, *the live branches and foliage of a tree* (<https://www.for.gov.bc.ca>). Oleh sebab masyarakat Melayu juga mempunyai pengetahuan yang luas tentang tumbuhan, maka konsep tersebut bukanlah suatu yang baharu. Bahkan dalam bahasa Melayu sejak dahulu sudah dikenal istilah 'silara' bagi merujuk konsep tersebut. Hakikatnya, walaupun puncak dan silara menunjukkan suatu yang berada di atas dan berkenaan dengan tumbuhan, tetapi kedua-duanya bukan perkataan yang bersinonim, sebaliknya kata yang berkongsi sebahagian daripada komponen makna yang sama.

Selanjutnya, adakah *crown* dalam bidang Pergigian juga memerlukan istilah bahasa Melayu yang berbeza? Mengapa tidak boleh menggunakan istilah yang digunakan dalam bidang Kejuruteraan atau bidang Perhutanan? Dalam bidang Pergigian, *crown* ditakrifkan sebagai bahagian gigi yang terdedah atau di atas gusi dan digunakan untuk mengunyah makanan (prpm.dbp.gov.my). Berdasarkan analisis komponen makna dalam Jadual 5, perkataan yang boleh dijadikan pilihan sebagai padanan untuk konsep *crown* hanyalah puncak. Namun, kata puncak juga tidak mampu untuk memberikan gambaran hal yang berkaitan dengan gigi. Oleh itu, bagi memastikan istilah yang dibentuk menepati konsep yang didukung, maka penggubal istilah mencari padanan bahasa Melayu yang lain. Daripada tujuh langkah yang ditetapkan dalam PUIBM (1992), penggubal istilah memilih untuk mengambil langkah keenam, iaitu memanfaatkan bahasa lain. Istilah yang dipilih, iaitu *Corona* adalah dari bahasa Latin yang bermaksud *crown*. Melalui kaedah penyerapan bahasa lain dengan pengubahsuaian ejaan bahasa Melayu, maka terbentuklah istilah korona yang diterima sebagai memenuhi maksud konsep yang dijelaskan.

Berdasarkan Jadual analisis komponen makna *crown*, dapat disimpulkan bahawa *crown* merujuk sesuatu yang berada/terletak di atas. Namun, mengapa *crown* juga dipadankan dengan istilah perdu, sedangkan perdu bermaksud; 1. Bahagian pangkal pokok, 2. Kelompok pokok yang tumbuh berumpun (prpm.dbp.gov.my). Sekilas, takrifan tersebut memberikan gambaran bahawa perdu tidak berada di atas. Namun, dalam bidang Pertanian, *crown* ditakrifkan sebagai, 2. *The part of a plant, usually at ground level, where the stem and roots merge.* 3. *The persistent, mostly underground base of a perennial herb* (<http://www.thefreedictionary.com>); atau a region of compressed stem tissue from which new shoots are produced, generally found near the surface of the soil (<https://ag.arizona.edu/pubs/garden/mg/botany/plantparts.html>). Takrifan tersebut ternyata menyamai takrifan perdu dalam bahasa Melayu.

Gambar rajah 2: *Crown* - perduSumber: <http://www.lawnsite.com/threads/when.308610/>

Gambar rajah 2 membantu penjelasan istilah *crown*. Hakikatnya, penutur Melayu semenangnya mempunyai pengetahuan yang luas tentang alam sekeliling mereka, khususnya tumbuh-tumbuhan. Dalam hal ini, semangnya perdu lebih sesuai untuk dipadankan dengan istilah *crown*. Perlu diingat bahawa istilah bahasa Melayu bukan dibentuk berdasarkan terjemahan semata-mata, tetapi juga mengambil kira maklumat persekitaran dan budaya penutur bahasa Melayu. Justeru, perlu ditekankan bahawa ketidakselarasan istilah yang berlaku bukanlah suatu yang dilakukan sewenang-wenangnya, sebaliknya telah melalui beberapa proses perbincangan dan penilaian antara pakar bidang dan penggubal istilah.

Oleh itu, bagi memastikan istilah yang digubal dan diselaraskan oleh DBP tidak mengelirukan dan dapat diterima dengan baik oleh pengguna bahasa, maka dalam pangkalan data istilah bahasa Melayu DBP (prpm.dbp.gov.my), istilah-istilah tersebut diberikan maklumat tentang bidang ilmu yang berkaitan sebagai panduan pengguna. Contohnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6 yang berikut:

Jadual 6 Contoh maklumat istilah yang terdapat dalam pangkalan data istilah DBP

Istilah Sumber	Istilah Sasar	Bidang	Subbidang	Huraian
<i>Crown</i>	silara	Biologi	Umum	Tiada
<i>Crown</i>	puncak	Kejuruteraan	Tiada	1. Titik tertinggi pada struktur gerbang. 2. Aras tertinggi keratan rentas jalan raya yang terletak di tengah-tengah berbanding aras kedua-dua bahagian tepi jalan.
<i>Crown</i>	perdu	Pertanian	Tiada	Tiada
<i>crown (tooth)</i>	korona	Perubatan	Tiada	Bahagian gigi yang terdedah atau di atas gusi dan digunakan untuk mengunyah makanan.
<i>Crown</i>	silara	Perhutanan	Tiada	Tiada
<i>crown (tooth)</i>	korona	Biologi	Tiada	Bahagian gigi yang terdedah atau di atas gusi dan digunakan untuk mengunyah makanan.
<i>Crown</i>	silara; jemala; mahkota; takhta; raja; perdu	Biologi	Tiada	1. Bahagian distal anter. 2. Bahagian atas pokok yang berdaun. 3. Cecawan dan lengan krinoid. 4. Akar stok pendek yang berdaun.

Pada hemat penulis, penggunaan padanan istilah bahasa Melayu yang berbeza dalam bidang yang berbeza bagi mendukung konsep yang berbeza adalah wajar. Sebaliknya, penggunaan istilah yang berbeza

walaupun dalam bidang yang berbeza, tetapi untuk merujuk konsep yang sama perlu dielakkan kerana perbezaan tersebut boleh menyebabkan salah faham dalam komunikasi.

5. Implikasi Kajian

Setelah melakukan analisis, kajian ini berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengetengahkan ketidakselarasan istilah dalam korpus Kejuruteraan dan S&T, dan seterusnya menjelaskan fenomena tersebut dengan mengaitkannya dengan persekitaran sosial pengguna istilah itu sendiri, atau lebih dikenali dengan pendekatan sosioterminologi. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati bahawa ketidakselarasan istilah bahasa Melayu dalam korpus Kejuruteraan dan S&T bukanlah sekadar retorik.

6. Kesimpulan

Sejak tahun 1957 sehingga kini, DBP telah berjaya menggalas tugas dan tanggungjawabnya untuk menggubal dan membakukan istilah bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu, bagi memenuhi keperluan penyebaran dan pengembangan ilmu. Namun, dalam pelaksanaannya wujud ketidakselarasan istilah, sehingga menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Hal ini kerana pengguna tidak memahami tentang proses penggubalan istilah itu sendiri. Lazimnya, istilah boleh berubah kerana perubahan konsep atau pengetahuan pakar bidang, atau berlakunya perkembangan bidang ilmu. Istilah turut berubah disebabkan perubahan pada pedoman pembentukan istilah yang diguna pakai, kualiti istilah yang lebih baik, kepopularan istilah dan sebagainya. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa perbezaan istilah yang berlaku bukanlah tindakan yang diambil dengan sewenang-wenangnya. Penggunaan padanan istilah bahasa Melayu yang berbeza dalam bidang yang berbeza bagi mendukung konsep yang berbeza adalah wajar. Sebaliknya, penggunaan istilah yang berbeza bagi merujuk konsep yang sama walaupun dalam bidang yang berbeza, perlu dielakkan kerana perbezaan tersebut boleh menyebabkan salah faham dalam komunikasi. Sedangkan, pembentukan semula istilah bagi istilah yang telah tersedia, apabila perlu, hendaklah dilakukan dengan teratur dan terkawal.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 2000. *Istilah bahasa Melayu pengisi keputakaan ilmu abad ke-21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burhanuddin Yeop Majlis & Shahbudin Haji Shaari. 1990. Masalah penggunaan istilah Kerjuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam *Peristilahan dan penulisan sains*. Kuala Lumpur: DBP, hlm. 86-97.
- DBP. 1992. *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP. 2004. *Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Felber, H. 1995. *Panduan peristilahan*. (Terj.) Zahrah Ghafur dan Salamiah Mat Sah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hans J. Dykxhoorn & Kathleen E. Sinning. 1984. The lack of uniformity in statistical audit sampling terminology, *Journal of Accounting Education*, Vol. 2, Issue 2, hlm. 153-161.
- Junaini Kasdan et. al. 2015. Inovasi dalam Proses Mencari Padanan Istilah Bahasa Melayu. *Rampak Serantau, Bil 22*, hlm 196 – 213.
- Laurent Metzger. 1993. *Perkembangan laras Kejuruteraan dalam bahasa Melayu*. Singapura: Department of Malay Studies, National Universiti of Singapore.
- Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abd. Rahim dan Abdullah Marjunid (peny.). 1992. *Kearah pembentukan istilah yang sempurna*. Kuala Lumpur: DBP
- Muhammad A. Saraih. 2001. Inconsistency in technical terminology: a problem for standardization in Arabic. *Babel* Vol. 47.1, hlm. 10-21. <https://benjamins.com/#catalog/journals/babel.47.1.03sar/details>. [13 Ogos 2016].
- Nickson Karie & Hein Venter. 2013. Resolving terminology heterogeneity in digital forensics using the web. *Proceedings of the 12th European Conference on Information Warfare and Security*, Unversity of Jyvaskyla, Finland, 11-12 Julai 2013.
- Nik Safiah Karim et. al. 2004. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Maimunah Syed Zin. 2001. Kementerian Pendidikan salahkan kelewatan bentuk istilah. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0502&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_05.htm#ixzz4GiK5RkpQ. *Utusan Melayu*, 02/05/2001 [8 Ogos 2016].

- Temmerman, Rita. 2000. *Towards new ways of terminology description the sociocognitive approach*. Amsterdam: John Benjamin Publishing Co.
- Terjemahan Al Hidayah Al Quran Al Karim (Rasm Uthmani) dalam bahasa Melayu. 2009. Kuala Lumpur: Al-Hidayah House of Qur'an Sdn Bhd.
- Zubaidi Abas. 1992. Peristilahan dan penyelarasan istilah sains asas dalam *Kearah pembentukan istilah yang sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 212-219.

Laman sesawang

- <http://dictionary.cambridge.org>
- <http://istilah-frgs.unimap.edu.my/matchapp>
- <http://prpm.dbp.gov.my>
- <http://www.encyclo.co.uk>
- <http://www.thefreedictionary.com/crown>
- <https://ag.arizona.edu/pubs/garden/mg/botany/plantparts.html>
- <https://www.for.gov.bc.ca>

Penulis

Junaini Kasdan (Ph.D) ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum bergiat dalam bidang akademik, beliau bertugas sebagai Pegawai Perancang Bahasa, DBP di Bahagian Peristilahan dan Leksikologi. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Melayu, Terminologi dan Leksikologi. Tulisan ini adalah hasil penyelidikan dari geran penyelidikan **FRGS/2/2013/SSI01/UniMAP/02/1(9003-003908)**.

Harshita Aini Haroon (PhD) ialah Profesor di Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis. Tumpuan penyelidikan beliau ialah pembelajaran bahasa dan linguistik Bahasa Inggeris, selain menyelia dalam bidang yang sama di UniMAP. Beliau juga giat menjalankan kajian berkaitan pendidikan tinggi.

Nor Suhaila Che Pa ialah Pensyarah Bahasa Melayu di Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis. Tumpuan penyelidikan ialah Penterjemahan dan Peristilahan.

Zuhaira Idrus ialah Guru Bahasa Kanan di Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dan, penterjemahan istilah teknikal.